

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: SoIS - Pusat Pengajian Antarabangsa
Sent: Wednesday, July 25, 2018 12:10 PM
To: UUM - All Staff
Subject: PERBINCANGAN KERJASAMA LEBARKAN PASARAN DISAMPING MEMBANTU DALAM USAHA MENAIKKAN QS RANKING BY SUBJECT PUSAT PENGAJIAN ANTARABANGSA

DARIPADA:
PUSAT PENGAJIAN ANTARABANGSA
UUM COLLEGE OF LAW, GOVERNMENT AND INTERNATIONAL STUDIES
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04 - 9288451 ☎ 04 - 9288470
✉ sois@uum.edu.my ✉ sois.uum.edu.my



25 JULAI 2018 / 12 ZULKAEDAH 1439H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)



SoIS ONLINE – Peluang dalam mengadakan perbincangan dalam usaha mewujudkan kerjasama disamping membuat pemantapan aktiviti yang sedia ada dengan beberapa university di Bangkok, Thailand digunakan dengan sebaiknya agar dapat membantu dalam meluaskan pasaran program disamping usaha ke arah menaikkan QS ranking by subject Pusat Pengajian Antarabangsa (SoIS). Bermula dengan hanya emel di antara kedua belah pihak diteruskan dengan perbincangan awal melalui skype dengan pihak Mahidol University telah membuka laluan kerjasama lebih erat lagi di antara kedua belah pihak. Justeru perbincangan lanjut yang diadakan pada 16 Julai 2018 semasa lawatan melibatkan Dr. Nazariah Osman (Timbalan Dekan), Dr. Fakhrorazi Ahmad (Penyelaras Program Siswazah Perniagaan Antarabangsa) dan Abdul Razak Abdul Wahab (Penolong Pendaftar Kanan) ke Bangkok, Thailand baru-baru ini benar-benar telah merealisasikan bentuk kerjasama di antara SoIS dengan Mahidol University.

Perbincangan dilakukan dengan memberikan tumpuan berkaitan dengan Memorandum Persefahaman (MoU) dan dimantapkan lagi dengan perbincangan kerjasama penawaran program 2+2 melibatkan program Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Hal Ehwal Antarabangsa (Kepujian) – BIAM(Hons) dengan International Relations And Global Affairs di mana pihak Mahidol University menunjukkan kesungguhan dalam membentuk kerjasama ini. Mahidol University menduduki ranking kedua di Thailand merupakan salah satu daripada rakan kerjasama strategik bagi membantu SoS terutamanya di dalam komponen reputasi akademik di mana Mahidol University berada pada kedudukan 334 di dalam QS Ranking. Pihak Mahidol University yang diwakili oleh Douglas Rhein, Ketua Bidang Sains Sosial dan beberapa kakitangan Mahidol University yang lain menyambut baik kerjasama ini dan berharap agar ianya dapat dilaksanakan secepat mungkin.

Dalam lawatan yang sama juga digunakan peluang untuk bertemu dengan pihak Chulalongkorn University bagi membincangkan hal-hal berkaitan dengan memperkukuhkan aktiviti sedia ada di bawah MoU yang telah ditandatangani pada 03 April 2015. SoS juga akan membuka laluan kerjasama baharu untuk membuka pasaran yang lebih besar serta membantu meningkatkan reputasi SoS dalam bidang Hal Ehwal Antarabangsa dan Perniagaan Antarabangsa.

Habis



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.